

01/09/2003

Indeks Komposit dijangka bergerak tinggi minggu ini

Fred Tam

RALI awal dalam saham barisan kedua dan Pasaran Mesdaq minggu lalu dicituskan kegiatan urus niaga luar biasa dalam empat saham di Papan Kedua, yang mana dua daripadanya mencapai had urus niaga bagi dua hari berturut-turut.

Jualan secara tiba-tiba saham berkenaan mencetuskan panik di pasaran pada Khamis dan Jumaat, menyebabkan banyak saham jatuh secara menyeluruh selepas mencatatkan kenaikan sebelumnya.

Oleh kerana empat saham berkenaan adalah digerakkan pelabur runcit, saham Mesdaq dan saham lain di papan kedua adalah yang paling terjejas.

Di Papan Kedua, Kimble jatuh 51.47 peratus minggu lalu, menjunam daripada RM5.75 kepada RM2.79, dengan sejumlah 22,854 lot diurusniagakan minggu lalu.

Kai Peng jatuh 46.2 peratus, daripada RM2.90 kepada RM1.56, dengan 80,344 lot diurusniagakan, manakala Emivest merosot 26.6 peratus, sementara Premium jatuh 18.1 peratus.

Apa yang luar biasa mengenai kejatuhan 'Kumpulan Berempat' itu ialah kejatuhan teruk mereka tidak disebabkan sebarang pengumuman buruk kegiatan perniagaan masing-masing.

Kejatuhan harga Kimble dan Kai Peng itu mengatasi rekod Enron yang mencatatkan kejatuhan mingguan terburuk 40.9 peratus dalam minggu 26 Oktober 2001.

Malah dalam kes Enron, wujud amaran terlebih dulu apabila pada 16 Oktober 2001, ia mengumumkan kerugian bagi tempoh suku ketiga.

Pada Khamis, kebanyakan pelabur terpaksa bergantung kepada khabar angin bagi mendapatkan rasional mengenai kejatuhan empat saham Papan Kedua itu.

Apa yang didengar ialah, sebuah sindiket ditahan oleh pihak berkuasa.

Bagaimanapun sehari selepas itu didapati ia adalah tidak benar, tetapi sudah terlambat bagi pelabur untuk bertindak.

Bagi yang percaya mengenai kecekapan pasaran, contoh itu mengesahkan kepercayaan mereka, apabila harga dengan segera menggambarkan semua maklumat yang ada.

Perbezaan dalam kes itu cuma, maklumat berkenaan bukannya melalui pengumuman, tetapi melalui khabar angin.

Bagaimanapun jika kajian peristiwa dilakukan, mungkin akan didapati kehadiran pulangan terkumpul luar biasa (CAR), yang menandakan wujudnya kegiatan urus niaga dalaman.

Khabar angin tidak bertanggungjawab sebegini yang disebarkan untuk mencetuskan jualan panik, pernah terjadi sebelum ini, iaitu dalam kes Sinmah.

Wujud persamaan dalam carta perbandingan antara Sinmah, Kimble dan Kai Peng.

Hakikat jumlah urus niaga jualan adalah tinggi menunjukkan pelabur utama keluar daripada kaunter terbabit.

Persoalannya ialah mengapa mereka keluar sedangkan tiada sebarang pengumuman buruk.

Di bawah keadaan sedemikian, iaitu apabila berlakunya urus niaga luar biasa, tidakkah pihak berkuasa sepatutnya mengemukakan pertanyaan kepada syarikat terbabit secara serta merta?

Kebiasaannya ia dilakukan apabila harga meningkat terlalu tinggi, seperti dalam kes HWGB, tetapi tiada apa yang dilakukan apabila harga saham sesebuah syarikat merudum. Mengapa?

Wujud banyak jenis kegiatan urus niaga dalaman. Satu daripadanya ialah seperti dalam kes Enron, iaitu kejatuhan secara beransur hingga perkara buruk mengenai syarikat itu diketahui menerusi pengumuman.

Enron adalah satu jenis yang agak baik, tetapi wujud juga kes yang kurang baik, seperti dalam kes 'Kumpulan Berempat' yang mana pelabur langsung tidak mempunyai peluang untuk keluar.

Keadaan ini menyerlahkan kepentingan untuk melihat kepada asas syarikat sebelum melabur.

Jika seseorang pelabur memilih untuk membeli saham spekulatif, maka bersedia untuk sentiasa meneliti skrin harga dan memahami mengenai apa dia analisis teknikal.

Beralih kepada pasaran saham. Minggu ini kami menjangka melihat Indeks Komposit (IK) bergerak lebih tinggi sejajar dengan prestasi baik di pasaran Amerika Syarikat (AS) pada Jumaat lalu.

Kedua-dua Dow Jones dan Nasdaq mencatatkan paras tertinggi baru dalam tempoh 52-minggu pada Jumaat apabila pelabur didorong oleh data ekonomi yang positif dan pengukuhan dalam kegiatan pembuatan dan perbelanjaan pengguna.

Asas yang positif itu, di samping bacaan kukuh di pasaran AS dijangkakan melonjakkan pasaran tempatan.

Dalam senario tempatan pula, Bajet 2004 yang bulis, peralihan kepemimpinan negara daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Oktober dan pilihan raya umum yang diramalkan pada Disember adalah antara sebab bagi pasaran tempatan untuk mengalami bulis .

Bagaimanapun, bersama-sama kita lihat sama ada IK boleh melepasi paras rintangan 816 mata terlebih dulu. Jika tidak jangan terlalu meletakkan harapan terlalu tinggi dan berpuas hatilah dengan 816 mata. - Penulis adalah ahli penuh Society of Technical Analysts, UK